

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2014/2015


NAMA KURSUS	:	PEDAGOGI
KOD KURSUS	:	BBD 10302
KOD PROGRAM	:	3BBB, 3BBC, 3BBD, 3BBE, 3BBF & 3BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN/JULAI 2015
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI ENAM BELAS (16) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

S1 Rajah 1 menunjukkan komponen-komponen dalam satu proses pengajaran.



Rajah 1: Komponen-komponen Pengajaran.

Komponen-komponen dalam proses pengajaran dalam Rajah 1 merujuk model pengajaran

- A. Sim.
- B. Taba.
- C. Glaser.
- D. Suchman.

S2 _____ dalam bukunya *The Condition of Learning* mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan.

- A. Gagne
- B. Le Francois
- C. Morgan dan King
- D. Atkinson

S3 Berikut merupakan definisi penyeliaan, kecuali

- A. satu usaha untuk mendorong, menyelaras, dan membimbing guru dalam hal pengajaran supaya guru-guru lebih berupaya melakukan semua fungsi berkaitan pengajaran.
- B. segala kegiatan yang berkaitan dengan usaha untuk memastikan segala tugas dalam sesebuah organisasi berjalan lancar dan menepati objektifnya.
- C. mencapai tahap kesempurnaan kendiri di mana dia mampu menguruskan hidupnya sendiri.
- D. Mengajar guru teknik pengajaran dan kepimpinan profesional dalam pembentukan pendidikan masyarakat umum dan lebih khusus lagi dalam penggubalan kurikulum, pengajaran dan bentuk pendidikan.

S4 Apakah tujuan penyeliaan pengajaran pembelajaran?

- A. Mengetahui matlamat agenda pendidikan dan pengetahuan mengenai cara murid belajar dan memahami struktur kandungan yang hendak diajar.
- B. Menjadikan sesebuah organisasi sentiasa disegani dan dikenali oleh organisasi lain.
- C. Guru-guru dapat memperoleh pengalaman dalam bidang yang diceburi.
- D. Dapat menjadikan Guru Besar/ Pengetua seorang yang bertanggungjawab dan peka terhadap sekolah.

S5 Nyatakan kepentingan membuat jadual penentuan pengajaran (JPP).

- A. Memahami tugas-tugas sebenar semasa merancang persediaan mengajar.
- B. Memastikan sama ada unit-unit pembelajaran boleh dikuasai dengan baik oleh pelajar-pelajar.
- C. Membolehkan guru mengukur prestasi pengajarannya.
- D. Panduan asas untuk menentukan segala proses pengajaran-pembelajaran.

S6 Antara berikut yang manakah definisi sukatan pelajaran yang benar?

- A. Satu dokumen yang mengandungi satu program pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Ia juga ialah bahan asas yang menerangkan rasional atau matlamat, objektif sesuatu mata pelajaran , organisasi waktu dan huraihan sukatan.
- B. Menggambarkan ciri sesuatu pengajaran dari segi kandungan iaitu konstruk yang diajar, pemberatan tiap-tiap konstruk, konteks, pemberatan tiap konteks dan pemberatan taburan aras kesukaran.
- C. Skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah atau senarai kesemua mata pelajaran di sekolah.
- D. Dibina untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi serta berketrampilan dan mampu berfikir secara kritis dan kreatif.

- S7 Berikut merupakan tujuan kaedah pembelajaran tunjuk cara kecuali
- mengukuhkan pemahaman murid terhadap tajuk yang diajar oleh guru.
 - membina keyakinan murid untuk melaksanakan tunjuk cara secara individu.
 - memberikan peluang kepada pelajar untuk mencuba perkara baru.
 - menimbulkan minat pelajar untuk belajar.
- S8 Berikut merupakan definisi pembelajaran kecuali
- perubahan dalam seseorang individu akibat daripada pengalaman.
 - perubahan tingkah laku atau kebolehan untuk menunjukkan perlakuan yang dikehendaki hasil daripada latihan ataupun pelbagai bentuk pengalaman.
 - perubahan dari segi kecenderungan atau kemampuan seseorang yang diperoleh dalam masa yang panjang dan bukannya dikuasai secara mudah mengikut proses pertumbuhan seseorang.
 - tindakan yang bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan, nilai dan makna.
- S9 Model Inkuiiri mempunyai lima (5) fasa. Fasa yang ke-empat dalam model ini ialah
- analisis inkuiiri.
 - menyusun dan merumus keterangan.
 - mengumpul data.
 - membuat ujikaji.
- S10 Apakah salah satu daripada tujuan penyeliaan pengajaran dilakukan?
- Menilai prestasi atau kemahiran mengajar guru.
 - Untuk membantu guru menyelesaikan masalah pelajar.
 - Dapat meningkatkan lagi peluang untuk kenaikan pangkat.
 - Membantu guru mengenalpasti masalah yang berlaku disekolah dan bilik darjah.
- S11 Apakah fungsi akauntabiliti dalam pengajaran dan pembelajaran?
- Dapat menetapkan pola-pola tingkahlakun guru semasa menjalankan pengajaran.
 - Untuk meningkatkan kepuasan kerja guru.
 - Memastikan guru mendapat maklum balas yang jelas dan segera tentang kekuatan dan kelemahannya.
 - Menilai kemajuan pelajar secara adil dan saksama dan mengambil tindakan susulan untuk mengatasi kelemahan mereka.

S12 Kemahiran menerang adalah

- A. proses dalam memberi kefahaman kepada orang lain.
- B. tugas atau aktiviti yang diusahakan bersama oleh pengajar dan anak muridnya.
- C. pengajaran dan pembelajaran yang tidak sistematik.
- D. mendapatkan tindak balas daripada pelajar sama ada mereka memahami tajuk yang diajar.

S13 Berikut adalah komponen yang terdapat dalam kemahiran menerang.

- A. Komponen tindak balas, komponen menyoal, komponen pengajaran, komponen idea.
- B. Komponen kondusif, komponen penutup, komponen set induksi, komponen idea.
- C. Komponen aras permulaan, komponen kemahiran ilustrasi, komponen penyusunan idea, komponen penutup.
- D. Komponen pengajaran, komponen pembelajaran, komponen guru, komponen pemindahan ilmu.

S14 Berikut merupakan kegunaan set induksi semasa pengajaran dan pembelajaran kecuali

- A. semasa menukar tajuk.
- B. pada permulaan pengajaran.
- C. sebelum sesi soal jawab.
- D. semasa tamat pengajaran.

S15 Berikut adalah komponen perancangan pengajaran, kecuali

- A. penilaian sama ada objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.
- B. penentuan objektif, topik, isi serta penentuan kebolehan sedia ada pada murid.
- C. perancangan pengajaran yang ringkas dan padat.
- D. cara penyampaian untuk mencapai objektif pembelajaran.

S16 Apakah ciri – ciri guru yang berkesan dalam pengajarannya?

- A. Memberi keutamaan kepada proses pentadbiran pengajaran.
- B. Mempunyai kepakaran dan kecekapan dalam subjek yang diajar dan boleh mempelbagaikan kaedah mengajar.
- C. Bersifat agresif untuk pastikan disiplin pelajar dalam kelas tejaga.
- D. Memastikan sukanan pelajaran selesai sepenuhnya sebagai keutamaan.

- S17 Yang manakah di antara pernyataan berikut adalah benar mengenai kaedah pengajaran berasaskan simulasi?
- Kaedah pembelajaran dalam keadaan yang terkawal dan sengaja diwujudkan sama dengan situasi sebenar.
 - Kaedah dan strategi yang melibatkan aktiviti perbualan di antara guru dengan pelajar di dalam kelas.
 - Kaedah pengajaran yang meliputi satu sesi perbincangan yang membolehkan setiap ahli kumpulan menyumbangkan pendapat dan idea.
 - Kaedah pengajaran melalui aktiviti perbincangan yang terdiri daripada beberapa kumpulan kecil.
- S18 Terdapat 3 jenis kaedah penilaian pembelajaran kecuali
- mengesan kemajuan.
 - mengesan serta merta.
 - mengesan secara berkala.
 - mengesan pencapaian.
- S19 Salah satu kepentingan bahan bantu mengajar ialah
- membantu menjimatkan masa guru dalam menyediakan topik pembelajaran.
 - membantu menjaga keselamatan pelajar.
 - menanam sikap berdikari pelajar dalam pembelajaran.
 - diwajibkan kepada guru pelatih.
- S20 Penilaian pembelajaran adalah bertujuan untuk
- menghabiskan sukatan pelajaran mengikut masa yang ditentukan.
 - menentukan sama ada murid telah menguasai sesuatu kemahiran yang telah diajar.
 - meningkatkan prestasi murid secara progresif.
 - mengekalkan aras motivasi murid.
- S21 Penilaian pengajaran adalah penting bagi guru kerana ia dapat membantu
- meningkatkan prestasi murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
 - mencapai objektif pengajaran pembelajaran.
 - mengesan tingkah laku bermasalah yang ditimbulkan oleh murid.
 - memberi maklum balas tentang penguasaan murid terhadap pengajaran.

S22 Komunikasi boleh ditakrifkan sebagai

- A. proses pembelajaran yang disedari, sistematik, berterusan, serta terancang bagi individu yang dicirikan sebagai dewasa bagi memperoleh ataupun memantapkan nilai.
- B. perhubungan secara lansung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon, dan lain-lain.
- C. proses menyampaikan maklumat dan member pengalaman yang akan mengubah tingkah laku pelajar secara kekal.
- D. proses memberi peluang kepada pelajaran mendapatkan pengalaman dan meningkatkan kefahaman dan perubahan secara kekal.

S23 Kekuatan pemetaan konsep terletak kepada

- A. keupayaan memperjelaskan talian di antara konsep yang dipelajari dan dengan itu meningkatkan kefahaman pelajar.
- B. aplikasi pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai untuk pelajar.
- C. penghubung antara perkara yang guru mahukan pelajarnya belajar dengan hasil pembelajaran sebenar yang diperolehi pelajar terbabit.
- D. ilmu yang menerangkan tentang kaedah pengajaran.

S24 Pilih mana yang tidak benar mengenai Pembelajaran dan Pengajaran Berasaskan Komputer.

- A. Latih tubi
- B. Tutorial
- C. Sumbangsaran
- D. Penyelesaian masalah

S25 Antara pendekatan-pendekatan keadah pengajaran berikut, yang manakah membenarkan pelajar mempraktikkan kemahiran dalam keadaan yang selamat dan memberi peluang kepada pelajar memikirkan cara penyelesaian secara spontan dalam situasi bermasalah yang diwujudkan?

- A. Kaedah pengajaran sumbangsaran.
- B. Kaedah pengajaran simulasi.
- C. Kaedah pengajaran lawatan.
- D. Kaedah pengajaran teknik-kolaboratif.

- S26 Pengajaran andragogi membuat andaian-andaan berikut tentang rekabentuk pembelajaran kecuali
- orang dewasa perlu belajar secara eksperimen.
 - orang dewasa perlu mengetahui sebab ia dikehendaki belajar sesuatu.
 - orang dewasa bergantung sepenuhnya kepada guru dalam memberikan setiap isi pembelajaran.
 - orang dewasa menganggap pembelajaran sebagai penyelesaian masalah.
- S27 Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai kaedah simulasi.
- Sesuai digunakan dan proses P&P berteraskan strategi pengajaran berasaskan tugas.
 - Merupakan proses pembelajaran berulang-ulang.
 - Guru menjelaskan secara terperinci isi dan kandungan pembelajaran.
 - Proses pengajaran yg sesuai untuk pelajar dewasa sahaja.
- S28 Kemahiran proses sains mengandungi ciri
- asas dan bersepadan.
 - psikomotor.
 - manipulatif.
 - psikologi.
- S29 Antara berikut, yang manakah berkenaan kemahiran proses sains asas?
- Mentafsir Data..
 - Mengguna Dan Mengendalikan Peralatan Dan Bahan Sains Dengan Betul
 - Mengukur Dan Menggunakan Nombor.
 - Membuat Hipotesis.
- S30 Berikut merupakan pendekatan pembelajaran bersifat individu kecuali
- pembelajaran masteri.
 - pembelajaran kadar kendiri.
 - pembelajaran akses kendiri.
 - pembelajaran kendiri.
- S31 Apakah jenis ujian yang digunakan dalam bilik darjah?
- Ujian Penglihatan
 - Ujian Setempat
 - Ujian Saringan
 - Ujian Temuduga

- S32 Berikut merupakan kemahiran manipulatif kecuali
- penggunaan dan pengedalian peralatan dan bahan sains dengan betul.
 - pembersihan peralatan sains dengan cara yang betul.
 - meninggalkan peralatan sains yang telah digunakan tanpa dibersih terlebih dahulu.
 - menyimpan peralatan sains dan bahan dengan betul dan selamat.
- S33 Apakah peringkat yang perlu dilakukan untuk mengesan sejauh mana apa yang dipelajari oleh seseorang pelajar itu berkesan?
- Refleksi.
 - Penilaian.
 - Adaptasi.
 - Transformasi.
- S34 Penilaian rakan sekerja dalam bidang pendidikan dibuat melalui ciri-ciri berikut kecuali
- cara kepimpinan.
 - kualiti pengajaran.
 - keakraban.
 - kepakaran.
- S35 Berikut adalah objektif kemahiran pengukuhan kecuali
- memberi galakan kepada pelajar dalam aktiviti pembelajaran.
 - mengukuhkan konsep atau isi supaya kekal dalam ingatan.
 - menyampaikan maklumat atau menjelaskan isi pelajaran dalam masa yang singkat.
 - membaiaki disiplin kelas dengan mengubah tingkah laku negatif yang timbul.
- S36 Menurut Burden dan Byrd (1999), apakah yang dimaksudkan dengan Rangcangan Pengajaran Semester?
- Rangcangan Pengajaran Semester ialah rangka kerja aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk dilaksanakan.
 - Rangcangan Pengajaran Semester ialah keputusan yang dibuat mengenai mengelola, melaksana dan menilai pengajaran.
 - Rangcangan Pengajaran Semester ialah keputusan yang harus dibuat mengenai perkara yang ingin diajar dan bagaimana untuk mengajar supaya dapat difahami pelajar dengan mudah.
 - Rangcangan Pengajaran Semester ialah rancangan guru untuk mengajar sepanjang semester.

S37 Antara aspek Kemahiran Abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh pelajar ialah

- A. mengikut perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan.
- B. cara pemikiran baru iaitu kreativiti, kritis, penyelesaian masalah, membuat keputusan dan pembelajaran.
- C. memahami psikologi pembelajaran.
- D. mahir menggunakan teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran.

S38 Apakah yang dimaksudkan dengan kemahiran kaedah saintifik?

- A. Kaedah yang memerlukan kemahiran berfikir secara rasional.
- B. Kaedah-kaedah yang digunakan untuk menyiasat sesuatu fenomena, menceburi ilmu baru, atau membetulkan dan menyepadukan ilmu yang terdahulu.
- C. Pendekatan pengajaran yang mesti bersandarkan teori dalam proses penyelesaian masalah.
- D. Kaedah pengajaran yang berpusatkan kemahiran ICT.

S39 Aras kemahiran soalan boleh dikelaskan kepada enam peringkat seperti yang dinyatakan oleh Bloom dalam bukunya '*taxonomy of education objectives*'. Antara yang berikut, yang manakah bukan aras soalan yang terkandung dalam bukunya itu?

- A. Sintesis
- B. Analisis
- C. Kefahaman
- D. Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

S40 Apakah butir-butir yang perlu ada di dalam Rancangan Pengajaran Semester?

- I. Topik.
 - II. Objektif pembelajaran.
 - III. Kemahiran yang diperolehi.
 - IV. Alat Bantuan Mengajar (ABM).
- A. I dan II.
 - B. II dan III.
 - C. II, III dan IV.
 - D. I, II, III dan IV.

S41 Apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam menghasilkan Rangcangan Pengajaran Semester?

- I. Cuti sekolah.
 - II. Kehadiran pelajar.
 - III. Acara rasmi sekolah.
 - IV. Minat pelajar
-
- A. I dan II.
 - B. I dan III.
 - C. II, III dan IV.
 - D. I, II, III dan IV.

S42 Nyatakan ciri-ciri kaedah syaranan.

- I. Memperkenalkan topik baru.
 - II. Menyoal untuk perhatian.
 - III. Latihan mendengar dan menulis.
 - IV. Kawalan masa
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S43 Perlakuan yang patut dielakkan oleh guru sewaktu menggunakan kaedah syaranan adalah

- I. menggunakan kata-kata kasar dan lucah.
 - II. bermain-main dengan barang-barang yang berada ditangan.
 - III. banyak berjenaka.
 - IV. terlalu merendah diri atau kerap memohon maaf.
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S44 Apakah kelemahan kaedah pembelajaran projek?

- I. Memakan masa yang panjang.
 - II. Para pelajar berkemungkinan melakukan kesalahan semasa melaksanakan projek disebabkan oleh pengetahuan yang terhad.
 - III. Sumber dan bahan bagi sesuatu projek adalah terhad.
 - IV. Mendidik pelajar supaya berdikari.
- A. I, III dan IV
 - B. I, II dan III
 - C. I dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S45 Aras analisis mengandungi kategori

- I. Analisis unsur
 - II. Analisis perhubungan
 - III. Analisis prinsip organisasi
 - IV. Analisis aplikasi
- A. I , II dan III
 - B. I dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, III, III dan IV

S46 Antara berikut yang manakah merupakan strategi pengajaran-pembelajaran?

- I. Berpusatkan murid
 - II. Berpusatkan rakan sebaya
 - III. Berpusatkan bahan
 - IV. Berpusatkan masalah
- A. I, II dan III
 - B. I dan II
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S47 Pembelajaran biasanya didefinisikan sebagai perubahan individu yang disebabkan oleh pengalaman (Slavin, 1997; Mazur, 1990; Rocklin, 1987). Manakala Stalling (1973) berpendapat bahawa pembelajaran berlaku berdasarkan tiga kriteria yang penting iaitu

- I. pembelajaran harus menampakkan perubahan di dalam tingkah laku.
- II. pembelajaran berdasarkan pemikiran.
- III. pembelajaran berdasarkan emosi.
- IV. pembelajaran harus menghasilkan perubahan melalui pengalaman atau latihan.

- A. I , II dan III
- B. I , II, dan VI
- C. II , III, dan VI
- D. I, II, III dan IV

S48 Peringkat penyoalan yang digunakan oleh guru dalam bilik darjah berkait rapat dengan objektif pengajaran. Dalam merancang pengajaran harian, guru seharusnya menyediakan soalan untuk pelajar sebagai sebahagian daripada penilaian. Antara yang berikut, yang manakah merupakan komponen yang betul dalam penyoalan?

- I. Pembentuk soalan, fokus (tunggal)
 - II. Sebaran, fokus (pelbagai)
 - III. Hentian, melayani jawapan
 - IV. Memberi petunjuk, mencungkil bakat
-
- A. I dan IV
 - B. II dan III
 - C. I, II dan III
 - D. II, III dan IV

S49 Melalui pilihan jawapan dibawah, yang manakah merupakan kesan kemahiran pengukuhan dalam pembelajaran dan pengajaran?

- I. Pelajar akan berusaha memberi tingkah laku yang positif dengan lebih giat lagi.
- II. Perhubungan di antara guru dengan pelajar akan bertambah erat dan mesra.
- III. Pelajar akan merasa usahanya telah di hargai oleh gurunya.
- IV. Pelajar dapat memahami isi pelajaran dengan lebih cepat, mudah dan tepat.
 - A. I dan II
 - B. II dan IV
 - C. I ,II dan III
 - D. I, III dan IV

S 50 Manakah antara berikut merupakan jenis Rancangan Pengajaran ?

- I. Rancangan Pengajaran Semester.
- II. Rancangan Pengajaran Penggal.
- III. Rancangan Pengajaran Harian.
- IV. Rancangan Pengajaran Mingguan.
 - A. I dan II.
 - B. III dan IV.
 - C. I, III dan IV.
 - D. II, III dan IV.

(50 markah)

BAHAGIAN B

S51 Jadual 1 menunjukkan rangka Rancangan Mengajar Harian (RMH).

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Rancangan Mengajar Harian (RMH)?
(1 markah)
- (b) Lengkapkan Jadual 1 dengan menuliskan lapan komponen penting yang terkandung dalam RMH, huraian mengenai setiap satunya dan justifikasi penulisannya.

Jadual 1: Komponen Rancangan Mengajaran Harian.

Komponen dalam RMH	Huraian Komponen	Justifikasi Penulisan Komponen
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		

(24 markah)

- S52** Andaikan anda merupakan seorang guru Tingkatan 2 Bestari. Merujuk kepada Jadual 2, anda dikehendaki menulis Rancangan Mengajar Harian kelas amali dalam bidang anda.

Jadual 2: Jadual Waktu Tingkatan 2 Bestari

	1 7:25 - 8:05	2 8:05 - 8:40	3 8:40 - 9:15	4 9:15 - 9:50	5 9:50 - 10:25	6 10:15 - 10:50	7 10:50 - 11:25	8 11:25 - 12:00	9 12:00 - 12:35	10 12:35 - 1:10	11 1:10 - 1:45	12 1:45 - 2:20
Mo			BI <i>F_ABANS</i>	PJ <i>E_KAM PKJUNES</i>		MAT	<i>F_TanOF</i>	PS <i>F_ABANS</i>	SN <i>MR_Tay</i>		BA <i>B_Shahrol</i>	
Tu	MAT <i>F_TanOF</i>	SV <i>E_ISRAK</i>	PS <i>F_ABANS</i>		KURSUS BIDANG <i>F_GERAK</i>				BI <i>F_ABANS</i>		BM <i>E_JAMIN</i>	
We	BA <i>B_Shahrol</i>	GEO <i>C_KHADARAH</i>			PI <i>F_Altas</i>		SN <i>MR_Tay</i>		SV <i>E_ISRAK</i>		BM <i>E_JAMIN</i>	
Th	SEJ <i>C_KHADARAH</i>	GEO <i>C_KHADARAH II</i>	PJ <i>E_KAM PKJUNES</i>		MAT <i>F_TanOF</i>	BM <i>E_JAMIN</i>		PI <i>F_Altas</i>		BI <i>F_ABANS</i>		
Fr		SN <i>MR_Tay</i>	BA <i>B_Shahrol</i>		SEJ <i>C_KHADARAH</i>	PI <i>F_Altas</i>						

(25 markah)

-SOALAN TAMAT-